

Penarafan bintang taman industri memudahkan keputusan pelaburan

Oleh Sr Sulaiman Saheh

Memandangkan sektor hartanah industri negara menyaksikan minat pasaran yang kian kukuh saban tahun, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akhir tahun lalu mengumumkan bahawa sistem penarafan bintang bagi taman perindustrian akan diperkenalkan tahun ini untuk memudah cara pelabur sektor industri

membuat keputusan pelaburan dan lokasi di serata negara.

Cadangan penubuhan penarafan berkenaan juga berhasrat untuk membantu dan mendorong taman-taman perindustrian ke arah mencapai tahap piawai yang utuh, di samping menonjolkan taman yang mempunyai ciri-ciri yang tepat untuk pelaburan industri tertentu.

Sistem penarafan taman perindustrian yang bakal dilancarkan ini adalah melalui kerjasama di antara MITI, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan SIRIM Bhd.

Ia akan menilai taman perindustrian berdasarkan empat parameter utama iaitu perancangan dan pengurusan; infrastruktur dan daya saing perniagaan; kelestarian alam sekitar dan kepertanggungjawaban sosial.

Segep aspek akan dipertimbangkan merangkumi sudut perancangan, pelaksanaan dan pengurusan taman perindustrian, serta ketersediaan prasarana, infrastruktur, khidmat-khidmat sokongan, keutuhan rantai bekalan, ciri-ciri kelestarian alam sekitar dan teknologi hijau, serta kesejahteraan tenaga kerja daripada segi kebajikan dan sosialnya.

Dengan pelaksanaan penarafan

sebegini, pemain industri akan berupaya untuk mempertingkatkan ciri-ciri yang ditekankan oleh pasaran masa kini dalam perancangan taman perindustrian baharu.

Bagi yang sedia ada pula, strategi penambahbaikan dapat dijana dengan lebih baik menurut kehendak yang boleh dikenal pasti dengan lebih tepat.

Ini termasuklah dalam bidang penggunaan tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa, dan teknologi pintar, di samping pengintegrasian prinsip Industri 4.0 seperti automasi dan analitik data, serta penerapan amalan mesra alam.

Sistem penarafan ini memberi insentif kepada taman perindustrian untuk menerima teknologi hijau dan transformasi digital, menjadikannya lebih menarik bagi pelabur yang mencari persekitaran yang mampan.

Malaysia sebagai peneraju global

Matlamat utama sistem ini adalah untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju global dalam pembangunan perindustrian pintar dan mampan yang memupuk inovasi, kecekapan, produktiviti sambil menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan alam sekitar.

Ini dapat meningkatkan daya saing global sektor perindustrian negara yang diperkukuhkan atas landasan ekosistem sedia ada.

Beberapa negara telah melaksanakan sistem penarafan taman perindustrian yang mempromosikan kelestarian, inovasi, dan kemajuan teknologi ini.

Ini harus dijadikan panduan dan teladan untuk memperkukuhkan sistem penarafan untuk pelaksanaan di Malaysia.

UNIDO atau Pertubuhan Kemajuan Industri Bangsa-Bangsa Bersatu telah menyediakan sebuah Panduan Taman Perindustrian Antarabangsa yang

diguna pakai sejak 2019 yang menekankan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Di India, Sistem Penarafan Taman Perindustrian yang diusulkan sejak 2018, telah ditambah baik dalam sistem IPRS 2.0 mereka pada 2023.

Di negara lain, pelbagai sistem penarafan dan pengiktirafan yang berkait dengan sektor industri ada dilaksanakan.

Program 'Green Factory Certification' di Jerman memberi tumpuan kepada kelestarian, menilai taman perindustrian berdasarkan penggunaan tenaga, pengurusan sisa, dan jejak karbon, dengan penekanan pada kecekapan tenaga dan prinsip ekonomi pekeliling.

'Industrial Park Green Mark' di Singapura pula menekankan kecekapan tenaga, penjimatan air, dan teknologi pintar seperti automasi dan analitik data, mencerminkan matlamat bandar pintar mereka.

'High-Tech Industrial Zones' di China memberi keutamaan kepada inovasi teknologi, menilai taman perindustrian berdasarkan keupayaan untuk menarik industri berteknologi tinggi dan infrastruktur sokongan.

Sementara itu, 'LEEDS' di Amerika Syarikat (AS) memberi fokus kepada bangunan individu, menilai kecekapan tenaga dan bahan mesra alam.

'Smart Industrial Complex Certification' di Korea Selatan menekankan teknologi Industri 4.0, seperti automasi dan IoT, untuk mewujudkan ekosistem yang sangat didigitalisasi dan cekap.

Sistem-sistem di serata dunia ini boleh dibandingkan walaupun ada perbezaan di dalam kriteria dengan sistem yang akan dilaksanakan di Malaysia.

Diharap sistem penarafan yang bakal dilancarkan oleh kerjasama MITI-MIDA-SIRIM itu dapat menggabung-

kan aspek alam sekitar, teknologi, pembangunan sosial tenaga kerja, keberkesanan ekonomi dan ketersediaan infrastruktur dan khidmat sokongan setempat untuk melahirkan sebuah sistem rujukan yang mantap dan telus bagi pelabur sektor industri, baik pelabur tempatan dan juga antarabangsa.

Diharapkan juga sistem pentaksiran yang dihasilkan dapat mengimbangi aspek-aspek seperti lokasi di kawasan bandar berbanding luar bandar, serta perbezaan usia taman-taman perindustrian supaya kekuatannya yang tersendiri dapat ditonjolkan, sambil membantu dalam usaha penambahbaikan dan pemerkasaan sektor industri negara.

Dijangka terus berkembang

Melangkah ke hadapan pada tahun ini, sektor perindustrian Malaysia dijangka terus berkembang selaras dengan trend tempatan dan global, dengan dasar baharu dan yang diperkemas-kini serta sistem penarafan taman perindustrian yang meningkatkan daya tarikannya sebagai pusat pelaburan.

MIDA dan Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) baru-baru ini melancarkan Portal Pemilihan MYSite, platform digital inovatif yang mengubah cara pemilihan tapak perindustrian di Malaysia.

Selain itu, mereka juga memperkenalkan Direktori Taman Perindustrian Malaysia, satu direktori komprehensif yang menyediakan maklumat terperinci mengenai taman perindustrian di seluruh negara.

Kedua-dua inisiatif ini bertujuan memudahkan pelabur untuk mengenal pasti lokasi yang paling sesuai untuk operasi mereka dan memanfaatkan ekosistem pembuatan Malaysia yang kukuh dan maju.

